



## TERMS AND CONDITIONS RHB CASHXCESS (CX) PROGRAMME

1. The RHB Bank Berhad (Company No. 6171-M) and RHB Islamic Bank Berhad (Company No. 680329-V) herein will be collectively referred to as "RHB".

### PROGRAMME PERIOD

2. "RHB CashXcess (CX) Programme" (hereinafter referred to as "Programme") is offering CX Generic Plans – Plan 630 (12 months instalment plan), Plan 602 (12 months instalment plan) and Plan 603 (24 months instalment plan).
3. The Programme is valid from 1 July 2019 to 31 December 2019, both dates inclusive (hereinafter referred to as "Programme Period").

### ELIGIBILITY

4. This Programme is applicable to all principal holders of RHB Credit Card/-i (hereinafter referred to as "Cardmember(s)") with good conduct of account based on the Bank's assessment on the account at the Bank's discretion. RHB Supplementary cards and Business Cards are excluded from this Programme.
5. An account will not be created for the Cardmember(s) for the purpose of CashXcess. The existing credit limit approved for the Cardmember's RHB credit card/-i account will be shared with this CashXcess and all other supplementary cards issued. The CashXcess Programme is not a credit limit increase.

### PROGRAMME CONDITIONS

6. Cardmember(s) are able to withdraw the CashXcess amount of up to 80% of their available credit limit subject to respective CashXcess minimum amount of RM1,000 for Plan 602 and Plan 603 and is RM3,000 for Plan 630.
7. The Bank shall not be liable to the eligible Cardmember(s) for any transactions credited into the wrong account due to the wrong information disclosed by the eligible Cardmember(s) when applying for the CashXcess.
8. The plans are available under the Programme.
  - i) **Plan 602** : 12 months @ 8.00%p.a, equivalent to effective rate of 14.45%p.a.  
eg.: CashXcess amount of RM1,000. The monthly instalment is computed as  $[RM1,000 + (RM1,000 \times 8.00\%) / 12 \text{ months}] = RM90$  per month. The payment quantum will be 12 equal monthly instalments amount.
  - ii) **Plan 603** : 24 months @ 9.00%p.a, equivalent to effective rate of 16.43%p.a.  
eg.: CashXcess amount of RM1,000. The monthly instalment is computed as  $[RM1,000 + (RM1,000 \times 9.00\% \times 2) / 24 \text{ months}] = RM49.17$  per month. The payment quantum will be 24 equal monthly instalments amount.
  - iii) **Plan 630** : 12 months @ 4.88%p.a, equivalent to effective rate of 8.89%p.a.  
eg.: CashXcess amount of RM3,000. The monthly instalment is computed as  $[RM3,000 + (RM3,000 \times 4.88\%) / 12 \text{ months}] = RM262.20$  per month. The payment quantum will be 12 equal monthly instalments amount.

Note: The above monthly instalment payment amount is for illustration purpose. The actual monthly instalment might be different from the above illustration.



9. RHB CashXcess application can be done via RHB branches and phone banking at 03-9206 8118. Upon approval of the RHB CashXcess application, the CashXcess amount will be debited to the Cardmembers' credit card/-i accounts. Cardmembers' are to ensure that there is sufficient available credit limit before they apply for the Programme.
10. Cardmember(s) are deemed to be responsible in servicing the monthly instalment amount. The monthly instalment amount is computed based on the interest/actual management fee charged together with the CashXcess amount divided by total instalment months. The monthly instalment amount posted into the Cardmember's RHB credit card/-i account is to be accumulated to the total outstanding balance and subject to the minimum monthly payment of 5% of the total outstanding balance.
11. By servicing the minimum monthly payment of 5% or part of the RHB Card total outstanding balance, the remaining outstanding balance (including CashXcess monthly instalment) will be charged finance charges / actual management fees. This clause shall be read together with Clause 12.1(c) & 12.1(d) of RHB Bank Berhad / Clause 13.1(c) of RHB Islamic Bank Berhad under Fees & Charges in the Credit Card/-i Services of VISA / MasterCard Cardmember(s) Agreement ("Cardholder Agreement").
12. If the Cardmember fails to pay Minimum Monthly Repayment by the Payment Due Date, a late payment charge of 1% of the Card Account on the outstanding balance (retail transactions & cash advances only) or RM10.00, whichever is higher, subject to a maximum of RM100.00 will be imposed and stated in the monthly Statement.
13. RHB reserves the right to approve only a part of the amount applied by the Cardmember(s) by obtaining consent from the Cardmember(s) by notice.
14. Approved CashXcess amount will be disbursed via Interbank GIRO fund transfer or direct credit either into RHB Saving / Current account or other banks.
15. In the event that the Cardmember(s) choose to terminate his/her credit card/-i or do an early settlement of the outstanding amount, RHB reserves the right to bill the remaining instalments which includes the outstanding principal and management fee amount as final payment.
16. Reward Points and Cash Back will not be awarded under this Programme, unless stated otherwise

## **GENERAL TERMS AND CONDITIONS**

17. RHB reserves the right to add, delete, alter or amend any of these terms and conditions with sufficient prior notice and they shall become effective on such date as the Bank may elect to adopt. Such additions or modifications or amendments notice may be affected by:-
  - displaying the same at the premises of the Bank or its' Branch offices or by mailing the aforesaid notice to the Cardmember(s); or
  - sending notice of the same by SMS or electronic mail to the Cardmember(s) or by posting the notice of the same on RHB's website.Such amendments and alterations shall be effective and binding on the Cardmember with effect from the date of the amendments or alterations.
18. Other terms and conditions as stipulated in the RHB Cardholder Agreement shall apply.
19. RHB reserves the right to cancel or suspend the Programme with sufficient notice to the Cardmember(s).
20. Cardmember(s) agree that RHB's decision on all matters relating to the Programme shall be final, conclusive and binding against them. The decision is made based on the programme mechanics. If there is any further dispute, please refer to RHB Contact Centre at 03-9206 8118 or the Ombudsman for Financial Services (OFS).

## TERMA DAN SYARAT PROGRAM RHB CASHXCESS (CX)

1. RHB Bank Berhad (No. Syarikat 6171-M) dan RHB Islamic Bank Berhad (No. Syarikat 680329-V) dirujuk secara kolektif sebagai “RHB” atau “pihak Bank”.

### TEMPOH PROGRAM

2. “Program RHB CashXcess (CX)” (selepas ini dirujuk sebagai “Program”) menawarkan Pelan Generic CX – Pelan 630 (Pelan pembayaran selama 12 bulan secara ansuran), Pelan 602 (Pelan pembayaran selama 12 bulan secara ansuran) dan Pelan 603 (Pelan pembayaran selama 24 bulan secara ansuran).
3. Program ini adalah sah dari 1 Julai 2019 hingga 31 Disember 2019, kedua-dua tarikh termasuk (selepas ini dirujuk sebagai “Tempoh Program”).

### KELAYAKAN

4. Program ini disediakan untuk semua Pemegang Utama Kad Kredit/-i RHB (“Ahli Kad”) yang mempunyai status akaun yang baik berdasarkan penilaian akaun oleh RHB dengan menurut budi bicara RHB. Kad Sampingan dan Kad Eksekutif RHB adalah tidak layak untuk menyertai Program ini.
5. Tiada akaun berasingan akan dibuka kepada Ahli Kad bagi tujuan CashXcess. Jumlah had kredit sedia ada yang telah diluluskan bagi Akaun Ahli Kad kredit/-i RHB akan dikongsi bersama dengan CashXcess dan semua kad tambahan yang dikeluarkan. Program CashXcess ini bukan untuk peningkatan had kredit.

### SYARAT-SYARAT PROGRAM

6. Ahli Kad boleh mengeluarkan dan menggunakan jumlah CashXcess sehingga 80% dari kad had kredit yang sedia ada, tertakluk kepada jumlah minima CashXcess RM1,000 untuk Pelan 602 and Pelan 603 dan RM3,000 untuk Pelan 630.
  - i) Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad untuk sebarang transaksi yang dikreditkan ke dalam akaun yang salah akibat daripada maklumat salah yang diberikan oleh Ahli Kad semasa permohonan CashXcess. Sekiranya terdapat pertikaian, sila rujuk Pusat RHB Contact di 03-9206 8118 atau Ombudsman for Financial Services (OFS)
7. Pelan disediakan untuk CashXcess:
  - i) **Pelan 602** -12 bulan pada 8.00% setahun, bersamaan dengan kadar efektif 14.45% setahun.  
e.g.: Amaun CashXcess sebanyak RM1,000. Pengiraan ansuran bulanan adalah  $[RM1,000 + (RM1,000 \times 8.00\%) / 12 \text{ bulan}] = RM90$  sebulan. Ansuran pembayaran adalah sama setiap bulan untuk jangkamasa selama 12 bulan.
  - ii) **Pelan 603** : 24 bulan pada 9.00% setahun, bersamaan dengan kadar efektif 16.43% setahun.  
e.g.: Amaun CashXcess sebanyak RM1,000. Pengiraan ansuran bulanan adalah  $[RM1,000 + (RM1,000 \times 9.00\% \times 2) / 24 \text{ bulan}] = RM49.17$  sebulan. Ansuran pembayaran adalah sama setiap bulan untuk jangkamasa selama 24 bulan.
  - iii) **Pelan 630** : 12 bulan pada 4.88% setahun, bersamaan dengan kadar efektif 8.89% setahun.  
e.g.: Amaun CashXcess sebanyak RM3,000. Pengiraan ansuran bulanan adalah  $[RM3,000 + (RM3,000 \times 4.88\%) / 12 \text{ bulan}] = RM262.20$  sebulan. Ansuran pembayaran adalah sama setiap bulan untuk jangkamasa selama 12 bulan.

Nota: Amaun ansuran di atas adalah untuk tujuan ilustrasi. Ansuran bulanan sebenar mungkin berbeza daripada ilustrasi di atas.



8. Permohonan RHB CashXcess boleh dibuat melalui cawangan RHB dan perbankan telefon di 03-9206 8118. Apabila permohonan RHB CashXcess diluluskan, amaun CashXcess akan didebitkan ke dalam akaun kad kredit/-i Ahli Kad. Ahli Kad adalah untuk memastikan bahawa terdapat had kredit yang mencukupi sebelum mereka memohon Program.
9. Ahli Kad haruslah bertanggungjawab terhadap jumlah ansuran bulanan. Pengiraan ansuran bulanan adalah berdasarkan faedah/yuran pengurusan sebenar yang dicaj bersama amaun CashXcess dan dibahagi kepada jumlah bulan pembayaran. Jumlah ansuran bulanan yang dipaparkan dalam akaun kad kredit/-i RHB Ahli Kad akan dicampur dengan jumlah keseluruhan baki tunggakan dan tertakluk kepada pembayaran minima bulanan sebanyak 5% daripada jumlah keseluruhan baki tunggakan.
10. Dengan pembayaran minima 5% atau sebahagian daripada jumlah baki tertunggak Kad RHB, baki selebihnya (termasuk ansuran bulanan CashXcess) akan dicaj faedah/yuran pengurusan sebenar. Klausa ini harus dibaca sekali dengan Klausa 12.1(c) & 12.1(d) RHB Bank Berhad / Klausa 13.1(c) RHB Islamic Bank di bawah Fi & Caj dalam Perkhidmatan Kad Kredit/-i Perjanjian Pemegang Kad VISA / MasterCard ("Perjanjian Ahli Kad").
11. Jika Ahli Kad gagal membayar Bayaran Minima Yang Perlu Dibayar pada Tarikh Matang, caj pembayaran lewat sebanyak 1% ke atas baki belum jelas Akaun Kad (urus niaga runcit & pendahuluan tunai sahaja) atau RM10.00, yang mana lebih tinggi tertakluk kepada maksima RM100.00 akan dikenakan dan dinyatakan di dalam Penyata bulanan.
12. RHB berhak untuk meluluskan hanya sebahagian daripada amaun yang dimohon oleh Ahli Kad dengan mendapat persetujuan Ahli Kad dengan memberi notis.
13. Jumlah CashXcess yang diluluskan akan dibayar melalui pindahan wang Interbank GIRO atau dikreditkan terus ke dalam akaun Simpanan / Semasa RHB atau bank yang lain.
14. Jika Ahli Kad memilih untuk menamatkan kemudahan kad kredit/-i atau menjelaskan baki tertunggak sepenuhnya sebelum tarikh matang, pihak Bank berhak untuk membiilkan ansuran selebihnya yang termasuk baki prinsipal dan yuran pengurusan yang tertunggak sebagai bayaran terakhir.
15. Mata Ganjaran dan Pulangan Tunai tidak akan diberikan di bawah Program ini, kecuali dinyatakan sebaliknya.

#### **TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM**

16. RHB berhak untuk menambah, mengeluarkan, mengubah atau meminda terma-terma dan syarat-syarat dengan memberi notis yang mencukupi terdahulu, dan ia akan berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh pihak Bank. Notis penambahan atau pengubahsuaian atau pindaan akan disalurkan melalui:-
  - paparan notis di premis Bank atau di pejabat cawangannya atau menghantar notis tersebut kepada Ahli Kad; atau
  - penghantaran notis melalui khidmat pesanan ringkas atau mel elektronik kepada Ahli Kad atau dengan mempamerkan notis yang sama di laman web RHB.Sebarang pindaan dan gubalan akan berkuatkuasa dan mengikat Ahli Kad daripada tarikh pindaan dan gubalan.
17. Terma-terma dan syarat-syarat lain yang terkandung di dalam Perjanjian Ahli Kad RHB adalah terpakai.
18. RHB berhak untuk membatalkan atau memberhentikan Program ini dengan memberi notis yang mencukupi kepada Ahli Kad.
19. Ahli Kad bersetuju bahawa keputusan RHB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Program adalah muktamad, konklusif dan mengikat terhadap mereka. Keputusan ini adalah dibuat berdasarkan mekanik program. Untuk penjelasan lebih lanjut, sila rujuk pada Pusat Perkhidmatan Pelanggan RHB di 03-9206 8118 atau Ombudsman for Financial Services (OFS).